
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2023-02	PINDAAN : 2 TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023 MUKA SURAT : 1 / 9
	GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN- BADAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan dan prosedur pendaftaran keahlian badan-badan profesional di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- 1.2 Keahlian badan-badan profesional yang ditanggung oleh pihak Universiti adalah hanya untuk tujuan berikut:
- a. Keperluan skim perkhidmatan yang mewajibkan staf berkenaan berdaftar dengan mana-mana badan bagi membolehkan beliau menjalankan tugas hakiki dan rasmi di bawah peraturan/ undang-undang yang sedang berkuatkuasa;
 - b. Kepentingan menjadi ahli badan profesional tersebut bagi menjalankan tugas rasmi;
 - c. Keahlian di dalam badan profesional tersebut akan memberikan manfaat kepada pelajar dan Universiti secara keseluruhannya.


2.0 KELAYAKAN

- 2.1 Staf yang layak untuk memohon kemudahan ini adalah seperti berikut:
- 2.1.1 Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi; atau
 - 2.1.2 Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional; atau
 - 2.1.3 Staf daripada skim perkhidmatan tertentu yang memerlukan staf berdaftar dengan badan-badan profesional; dan
 - 2.1.4 Berstatus tetap, kontrak dan sementara.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2023-02	PINDAAN : 2 TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023 MUKA SURAT : 2 / 9
	GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN- BADAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


3.0 PERATURAN

- 3.1 Staf boleh menjadi ahli kepada beberapa badan profesional dan perlu didaftarkan dengan pihak Universiti dengan mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran Keahlian Badan-Badan Profesional (**Lampiran A**) bagi tujuan rekod.
- 3.2 Walau bagaimanapun, pihak Universiti hanya menanggung yuran keahlian untuk staf yang memenuhi perkara 1.2 sahaja.
- 3.3 Pihak Universiti hanya menanggung yuran tahunan bagi satu badan profesional sahaja (di dalam negara atau luar negara). Lain-lain keahlian adalah tanggungan staf.
- 3.4 Borang Permohonan Pendaftaran Keahlian Badan-Badan Profesional yang telah disokong oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) untuk kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan, Kompetensi dan Latihan (JPKL).
- 3.5 Pihak HRD akan memaklumkan status permohonan tersebut melalui surat selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja dari tarikh mesyuarat JPKL.
- 3.6 Sekiranya permohonan diluluskan, staf boleh membuat pendaftaran keahlian badan-badan profesional dan dihantar satu salinan sijil pendaftaran badan profesional (yang telah disahkan benar daripada salinan asal) kepada urus setia untuk rekod.
- 3.7 Bagi staf yang keahlian badan profesionalnya ditanggung oleh pihak Universiti, tuntutan bayaran balik wang pendahuluan dilakukan dengan melengkapkan Borang Permohonan Tuntutan Yuran Tahunan Keahlian Badan-Badan Profesional (**Lampiran B**) dengan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2023-02	PINDAAN : 2 TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023 MUKA SURAT : 3 / 9
	GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN- BADAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

mengepilkkan resit asal dan satu salinan sijil pendaftaran badan profesional (yang telah disahkan benar daripada salinan asal) dan dihantar kepada pihak urus setia.

- 3.8 Kos keahlian yang ditanggung ialah:
Yuran pembaharuan tahunan – tidak termasuk bayaran pemprosesan, keahlian perpustakaan, tempahan buletin/ majalah tahunan atau bulanan dan seumpamanya tidak dibayar.
- 3.9 Pendaftaran yang dibuat untuk tempoh lebih dari satu tahun akan dibayar keseluruhannya. Walau bagaimanapun staf dikehendaki membayar balik secara pro rata yuran berkenaan kepada Universiti sekiranya meletakkan jawatan.
- 3.10 Yuran pendaftaran dibayar bagi tuntutan pada tahun semasa sahaja dan permohonan tuntutan bayaran keahlian badan-badan profesional mestilah dibuat selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh pendaftaran keahlian. Pihak Universiti tidak akan membayar tuntutan yang dibuat selepas tempoh ini.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2023-02	PINDAAN : 2 TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023 MUKA SURAT : 4 / 9
	GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN- BADAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.0 SENARAI BADAN-BADAN PROFESIONAL

- 4.1 Senarai Badan-Badan Profesional yang dibenarkan di bawah tanggungan pihak Universiti adalah sepertimana di **Lampiran C**. Senarai ini akan dipinda dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

- 4.2 Walau bagaimanapun, pihak Universiti boleh mempertimbangkan mana-mana badan profesional selain yang disenaraikan di Lampiran C sekiranya ia akan memberi manfaat kepada Universiti.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


PEJABAT PENDAFTAR
UMK/PEND/GRP/2023-02


GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN-
BADAN PROFESIONAL
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PINDAAN : 2
TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023
MUKA SURAT : 5 / 9


5.0 PROSES PERMOHONAN


5.1 Permohonan Pendaftaran Keahlian Badan-Badan Profesional



 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2023-02	PINDAAN : 2 TARIKH PINDAAN : 02 APRIL 2023 MUKA SURAT : 6 / 9
	GARIS PANDUAN KEAHLIAN BADAN- BADAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

5.2 Permohonan Tuntutan Bayaran Yuran Tahunan Badan-Badan Profesional



 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	UMK/B02.00/01/2021 Pind. 1	Tarikh Kuatkuasa: 04 April 2023
	BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN KEAHLIAN BADAN-BADAN PROFESIONAL PROFESSIONAL BODY MEMBERSHIP REGISTRATION FORM PEJABAT PENDAFTAR	

**MAKLUMAT PEMOHON
 APPLICANT'S INFORMATION**

Nama <i>Name</i>	:	
No. Staf <i>Staff No.</i>	:	
Fakulti/ Pusat/ Pejabat <i>Faculty/ Center/ Office</i>	:	
Jawatan <i>Position</i>	:	
No. Telefon (P) <i>Telephone No. (O)</i>	:	(HP) :

**BAHAGIAN A: KELULUSAN AKADEMIK
 SECTION A: ACADEMIC QUALIFICATIONS**

Nama Ijazah <i>Degree Name</i>	Nama Institusi <i>Name of Institution</i>	Tahun <i>Year</i>	Bidang Keahlian <i>Expertise</i>
Lain-Lain Kelulusan <i>Others Qualification</i>			

**BAHAGIAN B: PENDAFTARAN KEAHLIAN PROFESIONAL
 SECTION B: REGISTRATION OF PROFESSIONAL MEMBERSHIP**

Nama Badan Profesional <i>Professional's Name</i>	Alamat <i>Address</i>	Peranan <i>Role</i>	Peringkat <i>Level</i>	Bayaran Keahlian <i>Membership Fees</i>
❖ Sila lampirkan salinan undang-undang/ akta-akta yang mewajibkan keahlian dalam badan-badan professional ini. ❖ <i>Please attach a copy of law/ act that proves the membership in professional bodies.</i>				

BAHAGIAN C: KHIDMAT MASYARAKAT/ PERUNDINGAN
SECTION C: COMMUNITY SERVICE/ CONSULTATION

Tajuk Khidmat Masyarakat/ Perundingan <i>Title of community service/ consultation</i>	Peringkat <i>Level</i>	Tarikh Mula <i>Start Date</i>	Tarikh Tamat <i>End Date</i>

BAHAGIAN D: PENGESAHAN KETUA PTJ
SECTION D: VERIFIED BY HEAD OF DEPARTMENT

Permohonan ini * Disokong/ Tidak Disokong
*This application * Supported/ Not Supported*

.....
Tandatangan/ Cop)
(Signature/ Official Stamp)

.....
Tarikh
Date

BAHAGIAN E: SEMAKAN OLEH URUS SETIA
SECTION A: REVIEWED BY SECRETARIAT

Tarikh terima:
*This application * Supported/ Not Supported*
Received date:

Status:
Status:

.....
Tandatangan/ Cop)
(Signature/ Official Stamp)


.....
Tarikh
Date

BAHAGIAN F: KELULUSAN OLEH Pengerusi JPKL
SECTION F: APPROVAL BY CHAIRMAN OF JPKL

Permohonan ini *Diluluskan/ Tidak diluluskan
This application *Approved/ Not approved

.....
Tandatangan/ Cop)
(Signature/ Official Stamp)

.....
Tarikh
Date

	UMK/B02.00/01/2021 Pind. 1	Tarikh Kuatkuasa: 04 April 2023
	BORANG PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN YURAN TAHUNAN BADAN-BADAN PROFESIONAL PROFESSIONAL ANNUAL FEE CLAIM FORM PEJABAT PENDAFTAR	

Pendaftar/ Registrar
Universiti Malaysia Kelantan

Tuan/ Puan, Sir/ Madam,
Saya dengan ini ingin membuat tuntutan yuran tahunan badan-badan professional sepertimana berikut:
/ I hereby wish to claim the annual fee of professional bodies as below:

BIL.	NAMA BADAN PROFESIONAL / NAME OF PROFESSIONAL AGENCY	JENIS YURAN* / TYPE OF FEE*	JUMLAH TUNTUTAN / TOTAL CLAIMS

2. Dilampirkan resit asal dan Salinan sijil pendaftaran badan professional untuk rujukan dan tindakan tuan/ puan selanjutnya/ *Herewith attached is the original receipt and a copy of the registration certificate of the professional body for your reference and further action.*

Sekian, terima kasih/ *Thank you.*

Tandatangan/ *Signature* : _____

Nama/ *Name* : _____

No. Staf/ *Staff No.* : _____ PTj/ *Department* : _____

Jawatan/ *Position* : _____ Tarikh/ *Date* : _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR/ OFFICE USE ONLY

Permohonan ini * **DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN**

*This application is * APPROVED/ NOT APPROVED*

Catatan/ *Notes* : _____

.....
Tandatangan & Cop/ *Signature & Stamp*

.....
Tarikh/ *Date*

**UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA/
FOR SECRETARIAT USE**

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
BENDAHARI/ FOR BURSAR OFFICE USE**